

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

05 March 2016

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kejatuhan harga minyak dunia sudah mula menunjukkan kesannya. Seperti yang dilaporkan oleh media, sehingga kini 29 jutawan sudah kehilangan sejumlah RM12.68 bilion disebabkan harga minyak yang mula menjunam kira-kira setahun yang lalu.

Jika kita imbas semula, laporan Forbes pada suku keempat 2015 menyatakan “zaman kemelesetan” pasaran minyak menyebabkan kehilangan lebih 200,000 pekerjaan di seluruh dunia dengan Malaysia merekodkan 2% daripada jumlah itu. Penurunan harga minyak mentah sememangnya memberi kesan kepada pasaran buruh dalam sektor ini di Malaysia. Tahun lepas dan awal tahun ini menyaksikan ramai dalam sektor kewangan kehilangan pekerjaan dan sesungguhnya, kita sedang berdepan waktu yang amat mencabar.

Melihat semula keputusan kewangan Petronas baru-baru ini, penurunan harga minyak mentah benar-benar memberi kesan kepada industri. Pendapatannya merosot sebanyak 25% dan keuntungan sebelum cukai menurun 53% berbanding tahun sebelumnya. Ia dijangka mengurangkan perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi sehingga RM50 bilion dalam tempoh 4 tahun akan datang.

Dalam kes Petronas, Ketua Pegawai Eksekutifnya menyatakan perubahan pada peringkat kumpulan dijangka akan diambil bagi menghasilkan tahap kecekapan yang lebih tinggi dan organisasi yang lebih teguh bermula 1 April 2016. Kami percaya ini dijangka dapat merangsang transformasi yang diperlukan dalam jangka masa panjang.

Perkembangan dalam bidang penguatkuasaan yang wajar disebut adalah hukuman penjara lima tahun dan denda RM5 juta yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen ke atas Repco Low kerana memanipulasi saham Repco.

Kami percaya tindakan ini penting bagi memastikan pasaran modal dapat berfungsi dengan betul di samping mengekalkan integriti. Ia juga sebagai satu peringatan iaitu setiap orang yang melakukan kesalahan serius pasti tidak akan terlepas daripada pihak berkuasa undang-undang.

Salam,

Rita

KEMAS KINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA**MINGGU TADBIR URUS KORPORAT MSWG-MAJLIS PELABUR INSTITUSI (IIC) 2016**

“PENTINGNYA PENGAWASAN - DEMI KEMAMPANAN JANGKA PANJANG” - 30 MAC HINGGA 1 APRIL 2016 (10 MATA CPE)

MSWG akan mengadakan program Tadbir Urus sepanjang tiga hari dari 30 & 31 Mac dan 1 April 2016. Program ini akan diadakan di Hotel Renaissance Kuala Lumpur.

Objektif utama acara Tadbir Urus Korporat MSWG-IIC adalah untuk berkongsi dengan para peserta trend dan amalan terkini dalam bidang tadbir urus utama, berlatarkan pelbagai trend mega semasa yang membentuk masa depan dan perniagaan di peringkat global. Sesi yang diadakan akan menyediakan aspek asas, teori dan praktikal dalam bidang utama tadbir urus berkaitan pengawasan pelabur, ESG dan kemampuan, tadbir urus korporat dalam syarikat tersenarai awam dan mengurus jangkaan pihak berkepentingan.

Butiran program ini adalah seperti berikut:

Tarikh: 30 & 31 Mac dan 1 April 2016

YURAN PENDAFTARAN: RM2,500 untuk setiap peserta (termasuk GST 6%)

Diskaun: Diskaun 30% untuk Pelanggan MSWG

Diskaun Kumpulan: Diskaun istimewa 10% untuk 3 orang peserta atau lebih

Tempat: Ballroom A & B, Hotel Renaissance Kuala Lumpur

Sila rujuk Lampiran I di bawah untuk maklumat lanjut tentang program ini.

Untuk mendaftar, klik pautan web di bawah dan pastikan kehadiran anda di acara ini!

<http://www.mswg.org.my/seminar.php?id=10>

KEMAS KINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

PETRONAS BERTAHAN MENGHADAPI TAHUN 2015 YANG SUKAR DAN MENGAMBIL LANGKAH TEGUH UNTUK MENGHADAPI SAAT YANG LEBIH SUKAR

Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) menamatkan tahun 2015 yang amat sukar dengan pendapatan dan keuntungan selepas cukai (PAT) yang lebih rendah dalam suasana harga minyak yang merudum dan kejayaan bersih ke atas aset.

PETRONAS mencatatkan pendapatan sebanyak RM248 bilion, turun 25 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2014. Keuntungan selepas cukai (PAT) dan PAT selepas ditolak perkara yang dikenal pasti masing-masing berjumlah RM21 bilion dan RM40 bilion, iaitu 56 peratus dan 42 peratus lebih rendah daripada 2014.

Syarikat menjangkakan prestasi kewangan untuk 2016 terus dipengaruhi oleh turun naik harga minyak yang berpanjangan dan akan meningkatkan usaha untuk mengurangkan impak demi mengekalkan kemampuan dan daya saing.

Pada tahun 2015, walaupun dengan harga purata Brent pada USD52 setong dan kelembapan industri semasa, PETRONAS telah mencapai kejayaan operasi yang ketara dalam perniagaan hulu dan hiliran.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Datuk Wan Zulkiflee dalam ucapannya menjangkakan dua tahun akan datang akan terus mencabar. Beliau juga menambah aliran tunai

syarikat daripada operasi tidak mungkin dapat menampung baki perbelanjaan modal dan komitmen dividen RM16 bilion kepada Kerajaan.

Meramalkan harga minyak kekal rendah pada tahun 2016, PETRONAS mengambil langkah pengoptimuman kos ke peringkat yang lebih tinggi untuk menangani kesan negatif terhadap perniagaannya.

Beliau menambah syarikat itu juga sudah menyiapkan kajian semula model operasi perniagaannya demi menghasilkan tahap kecekapan yang lebih tinggi dan organisasi yang lebih teguh, dengan menghasilkan struktur organisasi baru yang akan berkuat kuasa pada 1 April.

[Sumber: Siaran media di laman web Petronas pada 29 Februari 2016]

KEPUTUSAN KEWANGAN BANK-BANK DENGAN TAHUN KEWANGAN BERAKHIR DISEMBER 2015

No	Nama Bank	Pendapatan (RM Juta) TK 2015	Pendapatan (RM Juta) TK 2014	Pendapatan (RM Juta) Varian	Untung Sebelum Cukai (RM Juta) TK 2015	Untung Sebelum Cukai (RM Juta) TK 2014	Untung Sebelum Cukai (RM Juta) Varian	Nisbah Peruntukan Kerugian Pinjaman (%) TK 2015	Nisbah Kos Kepada Pendapatan (%) TK 2015
1	Affin Holdings Berhad	1,802	1,820	(18)	514	801	(287)	64.0	60.2
2	BIMB Holdings Berhad	3,311	2,967	344	834	815	19	174.6	52.5
3	CIMB Group Holdings Berhad	15,396	14,146	1,250	3,914	4,276	(362)	84.7	55.6
4	Malayan Banking Berhad	40,556	35,715	4,841	9,152	9,112	40	72.0	48.2
5	Malaysia Building Society Berhad	3,050	2,613	437	355	933	(578)	92.2	22.7
6	Public Bank Berhad	19,182	16,860	2,322	6,491	5,814	677	120.8	30.5
7	RHB Capital Berhad	10,827	10,413	414	2,107	2,735	(628)	83.3	61.3

KOMEN MSWG:

Secara umumnya, majoriti bank dengan tahun kewangan berakhir Disember 2015 melaporkan hasil yang lebih tinggi namun keuntungan sebelum cukai lebih rendah atau tidak berubah berbanding tahun sebelumnya, berikutan persekitaran ekonomi yang suram, dibawa oleh pertumbuhan pinjaman yang lebih perlahan, peruntukan kerugian pinjaman yang tinggi dan keuntungan faedah yang lebih rendah, kecuali Public Bank. Selaras dengan ini, banyak bank telah memperkenalkan skim pemisahan sukarela (VSS) untuk mengurangkan kira-kira 5,400 pekerja sepanjang tahun.

Kami percaya tahun 2016 akan menjadi satu lagi tahun yang mencabar dan bank perlu mengurus perbelanjaan mereka dengan lebih bijak dengan memastikan nisbah kos kepada pendapatan mereka diurus dengan baik.

ANAK-ANAK SYARIKAT KEPADA SYARIKAT KELULI AWAM TERSENARAI DILAWAT DAN DIAUDIT OLEH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (“JKDM”)

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh beberapa syarikat tersenarai di bawah, ada beberapa syarikat keluli, termasuk anak syarikat kepada beberapa buah syarikat awam yang tersenarai lain, sedang diperiksa dan diaudit oleh JKDM. Untuk tujuan pengauditan, JKDM telah mengambil dokumen-dokumen tertentu termasuk rekod perakaunan dan penghantaran untuk tujuan audit lanjutan dan siasatan. Sebahagian daripada akaun bank anak syarikat kepada syarikat tersenarai awam ini juga dibekukan buat sementara waktu oleh JKDM.

KOMEN MSWG:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan di laman web Bursa Malaysia, beberapa syarikat tersenarai awam yang terlibat dengan perkara di atas adalah seperti di bawah:

- (1) Ann Joo Resources Berhad;
- (2) Amalgamated Industrial Steel Berhad;
- (3) Hiap Teck Venture Berhad;
- (4) Prestar Resources Berhad;
- (5) Southern Steel Berhad; dan
- (6) Wah Seong Corporation Berhad.

Demi integriti pasaran modal, kami ingin melihat lebih banyak maklumat dan status berhubung dengan penyiasatan ini dikeluarkan kepada umum secepat mungkin.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

FELDA GLOBAL VENTURE HOLDINGS BERHAD (“FGV”)

Lembaga Pengarah FGV dengan sukacita mengumumkan anak syarikat milik penuhnya iaitu Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd (“FGVD”) pada 26 Februari 2016 telah memeterai dua (2) perjanjian jual beli bersyarat untuk mengambilalih 81,566,106 saham terbitan serta saham biasa berbayar sepenuhnya dalam Zhong Ling Nutri-Oil Holdings Limited.

[Sumber: Pengumuman di laman web Bursa Malaysia pada 26 Februari 2016 dan 3 Mac 2016]

KOMEN MSWG:

Kebimbangan MSWG berkenaan pengambilalihan ini antara lain, adalah seperti berikut:

- Balasan pembelian adalah berdasarkan kepada akaun yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 kerana keputusan bagi tahun kewangan berakhir 2014 dan 2015 tidak diterbitkan. Oleh itu, FGV sepatutnya menggunakan keputusan kewangan terkini memandangkan pasaran secara umumnya semakin lemah dan ia memberi kesan kepada harga.
- Jumlah balasan pembelian sebanyak RM975.25 akan diterjemahkan kepada nisbah Harga kepada Buku (PBR) sebanyak 3.09 berdasarkan akaun beraudit syarikat sasaran untuk tahun kewangan berakhir 2013. Ini agak tinggi memandangkan kelembapan semasa dalam ekonomi China dan Malaysia.
- FGV akan diberi pampasan dengan saham tambahan sekiranya keuntungan bersih beraudit syarikat sasaran adalah kurang daripada jumlah yang dianggarkan. Saham tambahan ini kemudiannya akan dipindahkan kepada FGV yang mungkin menjadikan nisbah tertinggi di bawah Perenggan 10.02 (g) Bab 10 Syarat Penyeneraian Pasaran Utama Bursa Malaysia di luar peratusan yang memerlukan kelulusan pemegang saham.
- Tahap semasa adalah kira-kira 24% iaitu sangat hampir dengan 25% yang diperlukan untuk kelulusan pemegang saham. Oleh itu, kami bimbang dengan kemungkinan saham tambahan yang dipindahkan kepada FGV akan melepasi tahap pencetus dan memerlukan kelulusan pemegang saham.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Felda Global Venture Holdings Berhad.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.

LAMPIRAN 1

APPENDIX I

APPENDIX I

